

UM (Timur) 9/10/14 Khamis M/s 25

## Galeri UMP pameran sejarah kecemerlangan universiti dibuka untuk umum

KUANTAN 8 Okt. - Galeri Universiti Malaysia Pahang (UMP) dibuka untuk pengunjung luar hari ini sempena majlis konvokesyen kesembilan yang akan berlangsung pada Sabtu dan Ahad ini.

Galeri penyelidikan yang bertemakan teknologi hijau itu dibuka untuk dilawati bermula pada pukul 8 pagi hingga 6 petang.

Pemangku Pendaf-tar UMP, Abd. Rahman Safie berkata, galeri yang dibuka kepada pelawat sejak setahun lalu itu dihasilkan oleh arkitek UMP dengan kerjasama penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang bercirikan mesra alam, jimat tenaga dan pintar.

"Bangunan ini turut mendapat sumbangan kepakaran penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli yang menjadikan bangunan ini dilengkapi penghawa dingin tanpa pemampat yang pertama di dunia.

"Selain itu, Galeri UMP turut mempamerkan sejarah-sejarah kecemerlangan universiti ini seperti gambar-gambar Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah; Canselor UMP,

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP; bekas Naib Canselor dan sejarah tentang universiti tersebut," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Abd. Rahman, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi turut mempamerkan bahan penyelidikan yang mempunyai nilai untuk dikomersialkan, dipaten dan yang memperoleh anugerah.

"Galeri ini turut mempunyai sebuah bilik pintar (Smart Energy Room) yang menggunakan penukaran arus elektrik menggunakan sebuah kotak tenaga pintar (Smart Energy Box) ciptaan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik untuk menjimatkan elektrik sehingga 36 peratus," katanya.

Tambah Abd. Rahman, kejayaan pelajar turut dipamerkan, antaranya gambar aktiviti seperti pencapaian kereta solar UMP Shell Eco Marathon, Perodua Eco Challenge dan program lain bersama-sama pelajar termasuk kegigihan penuntut, Mirza Fasha yang berjaya menawan puncak Gunung Everest.



**PELAJAR** - pelajar sekolah melihat jubah yang akan digunakan dalam majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kesembilan ketika berkunjung ke Galeri UMP di Kuantan, semalam.

"Pengunjung boleh mendapatkan pelbagai informasi tentang inovasi yang dilaksanakan di universiti, di samping pelbagai cenderamata yang dijual di situ.

"Dalam pada itu, Galeri UMP turut mempamerkan pameran Seni Lukis Moden bertemakan *Kualiti*

*Pahang dalam Lukisan Moden* yang akan dipersembahkan oleh seorang pelukis, Daeng Ramli," jelasnya.

Sementara itu, antara program yang akan diadakan ialah Ceramah Kesihatan bersama Cef Zamir (Juara Master Chef Malaysia All Stars), Pertandingan Memasak Makanan

Mudah dan Sihat Seminar Transformasi Usahawan Muda, Kembara Bermotor UMP Rider Club (URC), *Lets Fun With 'Kampus Dakwah'* dan *Ladies Moment*; Cantiknya Dirimu Wahai Muslimah Solehah, Pertandingan Inovasi 3R dan Pesta Buah-buahan Tempatan.